

Kecerdasan Buatan dan Urusan Agama: Realiti, Cabaran dan Tindakan

Maisarah Tajuddin, Siti Zaharah Yahya, Aishah Ahmad

Ringkasan Eksekutif

Kecerdasan buatan (AI) kini menjadi pemacu utama perubahan global, termasuk dalam bidang pendidikan, pentadbiran dan urusan agama. Di Malaysia, usaha telah dimulakan melalui model ILMU (YTL), MaLLaM (Mesolitica), dan NurAI yang dikatakan selari dengan syariah (*Syariah-Aligned*). Potensi AI sangat besar untuk memperkukuh pembelajaran, dakwah, dan pengurusan agama. Namun, ia juga membawa risiko serius seperti bias algoritma, kebocoran data, krisis taklik masyarakat kepada mesin, serta jurang kefahaman konteks tempatan. Bagi memastikan AI memberi manfaat tanpa menjejaskan integriti agama, diperlukan kerangka dasar nasional yang menyeluruh. Langkah ini mesti merangkumi pembangunan garis panduan AI Islamik, penubuhan majlis penasihat syariah dan teknikal, penginstitutionan proses latihan AI (pelarasan halus, penapisan data, intervensi manusia, pengauditan), integrasi AI dalam pendidikan dan dakwah, perlindungan privasi data, serta peningkatan literasi digital masyarakat. Dengan pendekatan proaktif, Malaysia berpotensi menjadi peneraju AI Islamik global yang berteraskan maqasid syariah, selamat dan bermanfaat untuk umat.

Pengenalan

Kecerdasan buatan (AI) telah berkembang pesat dengan pelbagai model seperti *GPT*, *LLaMA*, *DeepSeek* dan lain-lain. Di Malaysia, beberapa inisiatif penting telah dilaksanakan. Pada 2023, YTL melancarkan model ILMU, manakala syarikat tempatan Mesolitica pula membangunkan MaLLaM (*Malaysia Large Language Model*), iaitu platform AI generatif yang dilatih menggunakan data besar berbahasa Melayu dan dialek tempatan, dengan sokongan teknologi *Amazon Web Services* (AWS). Baru-baru ini, Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Ahmad Zahid Hamidi turut melancarkan NurAI, iaitu sebuah model AI yang selari dengan syariah (*Syariah-Aligned*). NurAI dibangunkan dengan melakukan pelarasan halus (*fine-tuning*) terhadap model sedia ada (*DeepSeek*), menggunakan data Islamik seperti Al-Quran, hadis, fatwa, dan tulisan ulama. Inisiatif-inisiatif ini menunjukkan usaha Malaysia membina ekosistem AI tempatan yang lebih berdikari, sekaligus menekankan kepentingan kerangka dasar yang jelas agar AI dimanfaatkan secara optimum dan selari dengan maqasid syariah.

Menurut penjelasan pakar, pembangunan model AI melibatkan beberapa proses penting: latihan berterusan (*training*), pemilihan dan pembersihan data, isu hanyutan jawapan (*drifting issues*), keperluan semakan berterusan, penentukuran (*calibration*), serta campur tangan manusia. Semua proses ini mesti diinstitutionasikan sebagai piawai untuk mengawal integriti dan ketulenan model AI, khususnya yang digunakan dalam konteks agama.

Dari sudut jenis kecerdasan buatan, terdapat tiga kategori utama:

- 1) Kecerdasan Buatan Terhad (*Narrow/ Generative AI*), yang digunakan pada masa kini, termasuk *GPT*, *DeepSeek*, dan NurAI, yang hanya menghasilkan respons berdasarkan latihan data.
- 2) Kecerdasan Buatan Umum (*General AI*) iaitu satu tahap lebih tinggi, berupaya melakukan penaaakulan (*reasoning*) dan membuat keputusan tanpa memerlukan latihan berulang seperti model generatif.

3) Kecerdasan Buatan *Super/* Integrasi Tinggi (*Artificial Superintelligence/ Integrated AI*) iaitu tahap spekulatif, di mana AI berpotensi memiliki keupayaan menyerupai manusia, termasuk emosi dan kepekaan.

Kebimbangan utama ialah apabila model AI menjadi semakin berdikari dan berdikari sendiri (*independent and self-reliant*), hingga tidak lagi memerlukan intervensi manusia. Senario ini menimbulkan risiko besar, contohnya apabila AI mampu mengeluarkan fatwa atau keputusan agama secara automatik tanpa pengawasan ulama. Fenomena ini semakin mendesak kerana Generasi Z kini cenderung menjadikan AI generatif sebagai sumber rujukan utama, mengatasi enjin carian tradisional, termasuk dalam perkara berkaitan ilmu agama. Oleh itu, kerangka dasar yang menyeluruh perlu segera digubal agar umat Islam bukan sahaja tidak ketinggalan, tetapi mampu menjadi peneraju dalam menguasai teknologi baharu, bukannya sekadar pengguna pasif.

Isu dan Cabaran Semasa

Beberapa isu dan cabaran penting yang dikenal pasti:

1) Ketulenan dan Integriti *Syariah-Aligned*

NurAI dibangunkan dengan anggaran menggunakan berjuta token data Islamik. Namun demikian, model asas NurAI adalah *DeepSeek* dari China, yang diketahui turut dilatih dengan data bukan Islamik. Tanpa ketelusan dalam rangkaian proses latihan, keselarasan NurAI dengan *Syariah (Syariah-Aligned)* sukar dipastikan.

2) Bias dan Keterbatasan Algoritma

AI generatif sering menghasilkan jawapan ilusi (*hallucination*) yang meyakinkan tetapi berkemungkinan tidak tepat. Tanpa audit dan semakan manusia, AI berpotensi untuk menghasilkan fatwa yang salah atau bercanggah. AI juga berisiko memupuk bias ideologi atau fahaman tertentu melalui profil soalan pengguna.

3) Keterikatan Masyarakat dan Krisis Taklik

Terdapat kebimbangan bahawa orang awam akan mula bertaklik kepada AI, dan bukannya kepada ulama atau guru yang sah. Ini boleh menyebabkan berkurangnya kehadiran dalam majlis ilmu dan proses pembelajaran beradab. Konsep taklik dalam fiqh adalah kepada mujtahid, bukan kepada mesin atau algoritma.

4) Jurang Kefahaman Konteks Tempatan

Fatwa dan hukum sering bergantung kepada konteks tempatan (*al-waqi'*). AI yang dilatih dengan data umum mungkin tidak dapat menyesuaikan jawapan dengan realiti keadaan di Malaysia, menyebabkan risiko masyarakat menerima jawapan yang tidak sesuai dengan konteks sosial, politik, atau budaya tempatan.

5) Ketiadaan Garis Panduan Nasional dan Standard Etika

Sehingga kini, Malaysia masih belum mempunyai piawaian khusus bagi AI Islamik. Tiada juga keperluan undang-undang yang menetapkan audit syariah, penzahiran sumber, atau mekanisme semakan jawapan AI. Kekosongan ini boleh menyebabkan AI Islamik dipasarkan tanpa kawalan yang mencukupi.

Strategi dan Cadangan Polisi

Beberapa strategi dan cadangan polisi dikemukakan seperti berikut bagi menangani sebahagian dari isu dan cabaran model AI ini:

i. Pembangunan Garis Panduan AI Islamik Nasional

Kerangka pembangunan dan penggunaan AI di Malaysia perlu dirumuskan berasaskan prinsip-prinsip fiqh Islam yang diamalkan di negara ini. Antara ketetapan penting ialah mewajibkan setiap model AI Islamik menyatakan sumber rujukan seperti Al-Quran, hadis, dan fatwa, serta menerapkan proses pelarasan halus, penapisan data, intervensi manusia, dan pengauditan sebagai piawaian.

ii. Penubuhan Majlis Penasihat Model AI Islamik

Majlis Penasihat ini berperanan sebagai bentuk intervensi manusiawi terhadap model-model AI Islamik yang dibangunkan dan digunakan. Keanggotaannya perlu merangkumi ulama mujtahid, jurutera AI, ahli akademik, pendidik, pendakwah, serta pentadbir agama negara. Badan ini berfungsi sebagai mekanisme semakan dari aspek syariah, etika, dan teknikal.

iii. Integrasi AI dalam Pendidikan dan Dakwah

Model AI adalah teknologi yang perlu dimanfaatkan sepenuhnya. Kaedah baharu pendidikan seperti penggunaan *chatbot* Islamik, guru atau avatar Islamik, serta aplikasi dakwah berbilang bahasa adalah penting untuk dibangunkan. Model-model AI yang sahih juga boleh digunakan untuk mencegah penyebaran hadis palsu, memudahkan penghasilan bahan pendidikan, dan menilai keperluan audiens.

iv. Kesedaran dan Pendidikan Awam

Pengguna utama model AI ialah masyarakat umum. Penting bagi setiap lapisan masyarakat memahami keupayaan serta batas dan limitasi model AI agar ia dapat digunakan secara bertanggungjawab. Oleh itu, kempen untuk mendidik masyarakat tentang AI amat diperlukan, dengan penegasan bahawa AI hanyalah alat bantu (setidaknya hingga hari ini), bukan pengganti ulama, pendidikan formal, ataupun majlis ilmu.

Kesimpulan

AI adalah realiti yang tidak dapat dielakkan dan bakal menjadi utiliti asas seperti internet atau elektrik. Umat Islam tidak boleh sekadar menjadi pengguna pasif, sebaliknya mesti tampil sebagai pencipta dan penentu arah teknologi. Langkah awal seperti NurAI menunjukkan potensi, tetapi kejayaan hanya akan tercapai jika diperkukuh dengan dasar nasional yang jelas, garis panduan etika yang ketat, serta penglibatan ulama, pakar teknologi dan pihak berautoriti. Tanpa kawalan yang mantap, masyarakat berisiko hanyut dalam bias algoritma, maklumat yang mengelirukan, dan kehilangan arah panduan agama. Sebaliknya, dengan pengawalan yang tepat dan pendekatan bersepadu, AI mampu menjadi pemangkin strategik untuk memartabatkan ilmu, memperkukuh dakwah, dan memastikan agama Islam terus terpelihara dalam era digital. Lebih jauh lagi, Malaysia berpeluang muncul sebagai peneraju dalam pembangunan AI Islamik di peringkat global, bukan sekadar mengikut, tetapi membina dan memimpin masa depan.

KAJIAN DASAR IKRAM SDN. BHD.

Tarikh dikeluarkan,
10 September 2025